

**Anwar: Amaran 'perkauman' bekas hakim akan menyebabkan Hitler berbangga
Malaysian Insider
May 14, 2013
OLEH CLARA CHOOI**

KUALA LUMPUR, 13 Mei — Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyelar bekas hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mohd Noor Abdullah kerana memberi amaran kepada Cina mengenai tindak balas Melayu, mengatakan kenyataan "perkauman" beliau akan menyebabkan diktator Nazi Jerman Adolf Hitler berbangga.

Pemimpin de facto Pakatan Rakyat (PR) itu menulis secara ringkas di blognya, tidak seperti Umno, pemimpin dalam pakatannya tidak akan menyebarkan kebencian kaum akan tetapi tentang keamanan dan saling hormat menghormati bagi rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Sampai bila lagi kita boleh bertolak ansur dengan angin kebencian dan perangkap kaum dari kerajaan Najib yang tidak sah?" soal beliau.

"Ucapan perkauman bekas hakim mahkamah rayuan Datuk Mohd Noor Abdullah memalukan Klu Klux Klan dan membuatkan Hitler berbangga," katanya merujuk kepada pemimpin Perang Dunia Kedua Jerman Adolf Hitler yang mana parti Nazinya melakukan 'Holocaust', pembunuhan beramai-ramai terhadap dijangkakan enam juta Yahudi Eropah.

Ku Klux Klan atau KKK adalah organisasi rahsia di Amerika Syarikat selepas perang saudara untuk menegakkan ketuanan kulit putih, nasionalisme kulit putih dan anti pendatang yang diekspresikan dengan keganasan.

"Mari kita berganding bahu untuk terus bersatu. Kepada rakyat Malaysia — terima kasih kerana datang ke Ipoh dan menunjukkan kepada mereka apa maknanya menjadi Anak Malaysia," tambah Anwar.

Beliau memberikan reaksi kepada kenyataan Mohd Noor dalam forum semalam dimana bekas hakim itu memberikan amaran kepada komuniti Cina untuk bersedia menerima tindak balas daripada Melayu kerana "khianat" kepada Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya 2013.

Adolf Hitler, pemimpin Jerman pada masa Perang Dunia Kedua. — Gambar fail Reuters
Bekas hakim itu dilaporkan menuduh Cina merancang untuk "merampas kuasa politik" daripada Melayu, walaupun sudah mendapat manfaat dari segi ekonomi dari "setia kawan" Melayu.

"Bagi orang Melayu, pantang larangnya, jangan dikhianati orang Melayu. Oleh kerana orang Melayu bila dikhianati, dia membalas dendam kesumatnya tak sudah-sudah," kata beliau dipetik dari Malaysiakini dalam satu forum bertajuk "Wacana Post Mortem PRU13: Bicara Kepimpinan dan Survival Ummah" anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung.

"Apabila Melayu dikhianati, akan ada tindak balas dan Cina mesti menanggung akibatnya dari tindak balas Melayu."

Untuk memantapkan hujahnya Mohd Noor yang kini bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menganjurkan agar penyusunan masyarakat itu turut melibatkan pewartaan kawasan rizab Melayu di kawasan bandar bagi membolehkan kaum

Melayu membangun dan menguruskan perniagaan bersama kaum Cina.

"Istilah cantiknya ialah menyusun semula masyarakat. Tapi istilah kasar ialah orang Melayu berhijrah supaya gedung-gedung yang kita lihat dibandar sama-sama dimiliki, bukan melihat sahaja.

"Susunlah strategi supaya dalam masa 10 tahun ini, Yang Dipertuan Agong mengarahkan badan berkuasa untuk jamin supaya kekayaan negeri ini dimiliki kita sebanyak 67 peratus," kata beliau.

Barisan Nasional (BN) menang tipis pada 5 Mei dengan hanya 133 kerusi Parlimen berbanding 89 kerusi oleh Pakatan Rakyat (PR), lebih rendah daripada 140 kerusi yang mereka menangi dalam Pilihan Raya 2008.

Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak mencadangkan "tsunami Cina" menyebabkan BN mendapat keputusan pilihan raya terburuk dalam sejarah.

Utusan Malaysia, akhbar dimiliki Umno, juga mencadangkan pengundi Cina cuba melakukan provokasi kaum dengan mengundi menentang BN, dengan satu tajuk muka hadapan akhbar itu berbunyi, "Apa lagi Cina Mahu?".

Akhbar itu dilihat — bersekutu dengan Tun Dr Mahathir Mohamad — dan pemimpin parti lain secara konsisten berhujah undi menentang Umno yang mengetuai BN sama dengan undi menentang Melayu.

Ini berlaku apabila secara faktanya parti PR PAS dan PKR sebahagian besarnya ahlinya Melayu-Muslim. DAP turut meletakkan calon Melayu dalam pilihan raya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-amaran-perkauman-bekas-hakim-akan-menyebabkan-hitler-berbangga/>